

EDISI 2023

Buletin FKA

Pengajian Kejuruteraan Awam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2024

MAJLIS MESRA AIDILFITRI PKA 2023

Kamsiah Abdul Wahab

Kehadiran Rektor UITMPP, Profesor Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali pada jamuan raya PKA 2023 pada 19 May 2023 bersama barisan jawatankuasa eksekutif UITMPP telah memeriahkan lagi suasana sambutan raya kali ini. Bertemakan konsep *ALA2 KAMPUNG DAN BUSANA RAYA* setiap bidang PKA yang terdiri daripada bidang GOETREN, WRES, STRUCM dan CEPM telah diberikan amanat untuk mempamerkan kreativiti menghias rumah terbuka setiap bidang masing-masing dimana para pemenang akan diadili sendiri oleh tuan rektor. Kedengan lagu raya yang berkumandang menggamit lagi suasana rumah terbuka PKA, dimana para tetamu bersantai ala kampung (duduk bersila) sambil menikmati juadah utama dan pelbagai juadah istimewa yang disediakan oleh setiap rumah bidang PKA.

Majlis dimeriahkan lagi dengan ucapan selamat hari raya dari Tuan Rektor dan diikuti dengan acara cabutan bertuah diberikan kepada staf PKA yang berjaya di dalam cabutan ini disamping hadiah menarik yang telah disediakan oleh Unit Kebajikan PKA. Sebelum berangkat pulang, saat yang ditunggu-tunggu oleh semua staf PKA ialah pengumuman nama pemenang bagi rumah terbuka PKA yang telah disampaikan oleh Tuan Rektor kepada bidang STRUCM selaku pemenang kali ini. Majlis berterusan sehingga ke petang dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua staf PKA yang terlibat menjayakan rumah terbuka bidang masing-masing dan tidak ketinggalan kepada AJK Unit Kebajikan PKA sendiri kerana menjayakan majlis rumah terbuka aidilfitri 2023 kali ini. Semoga kita berjumpa lagi di Jamuan Raya Aidilfitri yang akan datang.



Majlis Mesra Aidilfitri PKA

YBhg. Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan
Sukacita Dijemput Untuk Memeriahkan
Majlis Sambutan Aidilfitri PKA

TARIKH : 18 MEI 2023 (JUMAAT)
MASA : 10 PG - 8 PG
TEMPAT : TINGKAT 6, BLOK PERDANA
PAKAIAN : BUSANA RAYA
DEKORASI : ALA2 KAMPUNG

MENU : Nasi Arab, Lemang, Ketupat Palas, Rendang, Satay, Lontong, Laksa, Mee Kuah, Roti Jala, Pat Tee, Buah2an, Puding, Pelbagai Jenis Kek & Kueh Muth dan Atr Cren & Sarai

